



Rujukan : ( 13 )dlm.BPFK/PASCA/K/23

Tarikh :

02 JAN 2018

## SEMUA PEMEGANG NOTIFIKASI KOSMETIK

### PERSATUAN BERKENAAN (SEPERTI PADA SENARAI EDARAN)

Tuan/ Puan,

#### PEKELILING BIL 1/2018

### LARANGAN PENGGUNAAN NAMA DAN/ATAU PEMBUNGKUSAN YANG SAMA ATAU MENYERUPAI DENGAN PRODUK KOSMETIK YANG TELAH DIBATALKAN ATAS ISU CAMPURPALSU

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) telah mengenalpasti terdapat produk-produk kosmetik yang bernotifikasi di pasaran telah menggunakan nama dan/atau pembungkusan yang sama atau menyerupai dengan produk kosmetik yang telah dibatalkan atas isu campurpalsu.

3. Sehubungan itu, NPRA telah memutuskan bahawa syarikat pemegang notifikasi kosmetik adalah **DILARANG** menggunakan nama dan/atau pembungkusan yang sama atau menyerupai dengan produk kosmetik yang telah dibatalkan atas isu campurpalsu untuk mengelak kekeliruan pengguna yang boleh menjejaskan keselamatan mereka. Kegagalan untuk mematuhi arahan tersebut boleh menyebabkan tindakan regulatori diambil terhadap produk-produk tersebut.

4. Sila ambil maklum bahawa arahan ini adalah berkuatkuasa serta-merta mulai tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(RAMLI BIN ZAINAL) RPh. 1045  
Pengarah Regulatori Farmasi  
Bahagian Regulatori Farmasi Negara  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
WMWM/za/mcll



Certified to ISO 9001 : 2008  
Cert. No. AR 2293



Member of  
Pharmaceutical Inspection  
Cooperation Scheme



Non Member Adherence to  
Mutual Acceptance  
of Data for GLP

s.k Pengarah Penguatkuasa Farmasi  
Kementerian Kesihatan Malaysia

**SENARAI EDARAN:**

1. Presiden  
Persatuan Kosmetik, Dandan dan Haruman Malaysia,  
*(The Cosmetic, Toiletry and Fragrance Association of Malaysia (CTFA))*  
1005, Block B, Level 10, Phileo Damansara1,  
No. 9, Jalan 16/11 Off Jalan Damansara,  
46350 Petaling Jaya,  
Selangor.
  
2. Presiden  
*Federation of Malaysian Manufacturers Malaysian Cosmetics and Toiletries Industry Group (FMM MCTIG)*  
Wisma FMM, No. 3, Persiaran Dagang, PJU 9,  
Bandar Sri Damansara,  
52200 Kuala Lumpur.